



MAJLIS SEMPENA MENJUNJUNG TITAH
DULI YANG MAHA MULIA SULTAN SELANGOR
BAGI PENGISYTIHARAN
MAJLIS PERBANDARAN KUALA SELANGOR



MAJLIS SEMPENA MENJUNJUNG TITAH

**D.Y.M.M. SULTAN SELANGOR
BAGI PENGISYTIHARAN
MAJLIS PERBANDARAN KUALA SELANGOR
7 OGOS 2021**

Pengenalan Logo,
Bendera dan
Lagu Rasmi MPKS

4,5

Tautan Kasih Ramadan
Komuniti Strata 2.0

6

Menyantuni Komuniti Strata
"No One Will Be Left Behind"
2.0

11



Naskah Percuma

MEI

- Tautan Kasih Ramadan Komuniti Strata 2.0
- Sumbangan Hari Raya Aidilfitri Majlis Daerah Kuala Selangor
- Operasi Sitaan Kilang Baja di Kg. Api-Api
- Majlis Penyampaian Sumbangan Ramadan dan Aidilfitri kepada Pendayung Santuari Kelip-Kelip Kg. Kuantan 2021
- Perhimpunan Pagi Bil. 1/2021

JUN

- Operasi Pematuan Prosedur Operasi Standard (SOP) Perintah Kawalan Pergerakan (PKP 3.0)
- Program Sanitasi Awam Sekitar Bandar Puncak Alam
- Program Sanitasi Awam Dewan Dato Hormat dan Sungai Gulang-Gulang
- Program Sanitasi Awam Sekitar Bandar Tanjong Karang dan Pasir Penambang
- Program Sanitasi Awam Dewan Bukit Badong dan Bandar Baru Kuala Selangor
- Program Sanitasi Awam Sekitar Bandar Desa Coalfields dan Ijok
- Program Sanitasi Awam Sekitar Bandar Saujana Utama
- Menyantuni Komuniti Strata "No One Will Be Left Behind"
- Program Sanitasi Awam Sekitar Bandar Bestari Jaya dan Kampung Kuantan
- Program Sanitasi Awam Bandar Sungai Buloh dan Jeram
- Program Sanitasi Awam Pejabat Daerah Kuala Selangor
- Program Sanitasi Awam Pejabat Majlis Daerah Kuala Selangor

JULAI

- Program Sanitasi Awam Sekitar Bandar Tanjong Karang, Bestari Jaya dan Kg. Kuantan
- Program Sanitasi Awam Sekitar Kuarters Majlis Daerah Kuala Selangor
- Menyantuni Komuniti Strata "No One Will Be Left Behind 2.0" Majlis Daerah Kuala Selangor
- Operasi Patuh Prosedur Operasi Standard (SOP) bersama KPDNHEP Seluruh Kawasan Kuala Selangor

- Program Sanitasi Awam Sekitar Ibu Pejabat Majlis Daerah Kuala Selangor
- Program Sanitasi Awam Sekitar Bandar Kuala Selangor
- Program Sanitasi Awam Sekitar Pejabat Daerah Kuala Selangor
- Program Sanitasi Awam Sekitar Bandar Saujana Utama dan Hillpark
- Sumbangan Bakul Makanan Kepada Kakitangan Majlis Daerah Kuala Selangor
- Program Sanitasi Awam Sekitar Taman Pekerti, Taman Permai dan Taman Mesra
- Program Sanitasi Awam Sekitar Bandar Puncak Alam
- Program Ibadah Korban Majlis Daerah Kuala Selangor 1442H/2021M

OGOS

- Audit Dalam Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA) Bil. 1/2021
- Program Masih Ada Yang Sayang #Kamiprihatin Barangan Makanan Keperluan Asas
- Perhimpunan Pagi Bil. 2/2021 Majlis Daerah Kuala Selangor
- Majlis Khatam Al-Quran Kumpulan Pengurusan Majlis Daerah Kuala Selangor
- Majlis Sempena Menjunjung Titah D.Y.M.M. Sultan Selangor Bagi Pengisytiharan Majlis Perbandaran Kuala Selangor
- Program Sanitasi Awam Sekitar Bandar Bestari Jaya
- Program Sanitasi Awam Sekitar Kawasan Pasar Awam Tanjong Karang
- Program Sanitasi Awam Sekitar Kawasan Bandar Kuala Selangor
- Program Sanitasi Awam Sekitar Kawasan Bandar Sg. Buloh dan Jeram
- Majlis Menandatangani Perjanjian Pelupusan Sisa Buangan Secara Maya di Antara Worldwide Holdings dengan 6 Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Selangor
- Majlis Penyerahan 7 Unit Kenderaan Milik Majlis Perbandaran Kuala Selangor kepada Pusat Pembangunan Kemahiran Teknikal Negeri Selangor (STDC)

Sidang Redaksi BULETIN MALAWATI

Penaung

Puan Rahilah binti Rahmat AMS,
ydp@mpks.gov.my

Penasihat

TPr. Haji Mohamad Yusli bin Askandar PPC,
myusli@mpks.gov.my

Editor

Puan Norrini binti Mohd Ladzim
norrini@mpks.gov.my

Pengarang

Encik Aliff Amani bin Jumeren
aliff@mpks.gov.my

Penolong Pengarang

Encik Hisyamuddin bin Zakaria
hisyamuddin@mpks.gov.my

Jurufoto, Rekabentuk dan Susunan

Encik Norirwan Sahril bin Mohmed Mogi
irwanshah@mpks.gov.my



Diterbitkan Oleh

Unit Korporat dan Perhubungan Awam
Majlis Perbandaran Kuala Selangor

Diterbitkan Untuk



Majlis Perbandaran Kuala Selangor
Jalan Majlis 45000 Kuala Selangor
Tel : 03-3289 1439 Fax : 03-3289 1101
Web : www.mpk.gov.my

MAJLIS SEMPENA MENJUNJUNG TITAH D.Y.M.M. SULTAN SELANGOR

BAGI PENGISYTIHARAN MAJLIS PERBANDARAN KUALA SELANGOR

7 Ogos 2021

Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah Al-Haj Ibni Almarhum Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Al-Hajj memperkenalkan Majlis Daerah Kuala Selangor (MDKS) dimasyhurkan sebagai perbandaran berkuat kuasa pada 6 Ogos 2021.

Majlis pengisytiharan ini dilakukan secara maya berikutan beberapa program sambutan sempena kenaikan tarafan terpaksa ditangguhkan sementara berikutan Kuala Selangor masih tertakluk kepada Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) fasa pertama.

Kejayaan pewartaan Majlis Perbandaran Kuala Selangor ini hasil sokongan dan kepercayaan diberi semua pihak selepas 43 tahun berstatus daerah.

Pada majlis itu, MPKS turut memperkenalkan logo baharu memaparkan rumah api yang menjadi mercu tanda Kuala Selangor selain lagu bertajuk Majlis Perbandaran Kuala Selangor dan video korporat.

MDKS ditubuhkan pada 6 Februari 1978 melalui gabungan lima majlis tempatan merangkumi Kuala Selangor, Tanjung Karang, Batang Berjuntai, Ijok dan Jeram.

Sejak penubuhannya, PBT itu melalui beberapa siri perluasan kawasan pentadbiran meliputi keluasan 119,452.46 hektar mengikut pelan warta 1414 bertarikh 28 Februari 2006.

Setakat ini penduduk Kuala Selangor dianggarkan berjumlah 273,728 orang dan dijangka meningkat kepada 303,444 pada 2025 berdasarkan unjuran pertumbuhan sebanyak 2.61 peratus setahun.

Majlis Menjunjung Titah Sultan Selangor bagi pengisytiharan Majlis Perbandaran Kuala Selangor ini telah disempurnakan oleh Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin bin Shari.



Sumber : Unit Korporat dan Perhubungan Awam

Pengenalan Logo Majlis Perbandaran Kuala Selangor



RUMAH API

Mercu tanda Daerah Kuala Selangor. Bangunan ini telah dibina pada tahun 1907 dan menjadi tarikan pelancong yang datang ke Kuala Selangor.

MPKS MAJLIS PERBANDARAN KUALA SELANGOR



PECAHAN KAWASAN PENTADBIRAN

Susunan warna menunjukkan zon kawasan pentadbiran seperti Industri, Pertanian, Perumahan dan Komersial. Kepelbagaian zon guna tanah mendorong kepada tunjang ekonomi ke arah bandar yang mampan dan sejahtera.

مجلس قرباندري كوالا سلاڠور

TULISAN JAWI

Tulisan Jawi merupakan warisan sejarah yang telah di bawa masuk ke Kuala Selangor seawal tahun 1756 dan digunakan oleh Kesultanan Melayu Selangor ketika itu bagi tujuan tadbir urus negeri.

MAJLIS PERBANDARAN KUALA SELANGOR

TULISAN RUMI

Tulisan Rumi merupakan tulisan rasmi yang digunakan secara holistik dalam pentadbiran, perundangan, ekonomi dan pembangunan sesuatu entiti.

BENDERA MAJLIS PERBANDARAN KUALA SELANGOR



MAKLUMAT MENGENAI BENDERA:

Warna Merah dan Kuning

- Jalur berwarna merah dan kuning melambangkan kekuatan kerjasama yang kukuh dan utuh dibawah pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor.

Warna Biru

- Warna biru yang menjadi latar belakang bendera MPKS menggambarkan sikap Mesra Rakyat yang diamalkan dalam pentadbiran MPKS adalah bagi menjamin kesejahteraan dan kemakmuran penduduk setempat.

Logo MPKS

- Logo MPKS di bahagian tengah bendera bermaksud kawasan tersebut adalah di bawah pentadbiran Majlis Perbandaran Kuala Selangor.

LAGU MAJLIS PERBANDARAN KUALA SELANGOR

Sungai Selangor menyusur ke kuala
Bukit Malawati persinggahan diraja
Indah dan nyaman warisan bangsa
Kehijauan alam menyegarkan mata

Majlis Perbandaran Kuala Selangor
Imej diri dan organisasi sentiasa diteliti
Perkhidmatan cekap dan berkualiti
Bertindak dengan bijak dan dedikasi

Majlis Perbandaran Kuala Selangor
Usaha untuk rakyat ditanah pertiwi
Meningkatkan infrastruktur berkualiti
Pembangunan mampan menjana ekonomi

Majlis Perbandaran Kuala Selangor
Komitmen diberi tanggungjawab sempurna
Pelanggan diberi layanan yg mesra
Menyantuni komuniti setiap masa



“Usaha untuk rakyat”

TAUTAN KASIH RAMADAN KOMUNITI STRATA 2.0

1 Mei 2021

Unit Pesuruhjaya Bangunan (COB) MDKS telah menganjurkan Program Tautan Kasih Ramadan Komuniti Strata 2021 pada 1 Mei 2021. Majlis yang berlangsung di Eco Grandeur Hall, Ecoworld Puncak Alam dilaksanakan dengan penuh pematuan SOP ini telah dirasmikan oleh Yang Dipertua Majlis Daerah Kuala Selangor, Puan Rahilah binti Rahmat.

Program ini bertujuan untuk membantu asnaf yang tinggal di kawasan strata. Seramai 30 penerima yang terlibat pada majlis ini dan menerima bantuan barangan keperluan dan wang tunai untuk menyambut Hari Raya Aidilfitri yang bakal menjelang.

Program ini turut menerima bantuan daripada syarikat Jasmine yang telah menaja beras untuk diagihkan kepada penerima bantuan.

Program ini dihadiri oleh Wakil JMB/MC di setiap skim strata dalam daerah Kuala Selangor dan majlis diserikan lagi dengan kehadiran PU Amin sebagai penceramah jemputan. Program ini diakhiri dengan bacaan suci Al-Quran dan majlis berbuka puasa bersama penerima bantuan dan tetamu jemputan.



Sumber : Unit Pesuruhjaya Bangunan (COB)

SUMBANGAN HARI RAYA AIDILFITRI

MAJLIS DAERAH KUALA SELANGOR

3 Mei 2021



Sumber : Jabatan Khidmat Pengurusan

OPERASI SITAAN KILANG BAJA DI KG. API-API

5 Mei 2021

Majlis Daerah Kuala Selangor telah menjalankan operasi sitaan sebuah kilang memproses baja organik yang menyebabkan kacau ganggu bau di Jalan Permatang Tengah, Kampung Api-API pada 5 Mei 2021.

Operasi ini dijalankan berikutan aduan awam mengenai pencemaran bau busuk yang dikeluarkan oleh kilang tersebut yang menjalankan aktiviti pemprosesan dan pembungkusan baja organik.

Selain itu, kilang tersebut masih berdegil dengan arahan penutupan kilang meskipun pernah diserbu dan tindakan yang sama pernah diambil sebelum ini. Hasil operasi pada kali ini, sebuah forklift telah disita dan bekalan elektrik serta air turut dipotong untuk memastikan kilang ini menghentikan operasi sepenuhnya.



Sumber : Jabatan Kesihatan dan Persekitaran

“Usaha untuk rakyat”

MAJLIS PENYAMPAIAN SUMBANGAN RAMADAN DAN AIDILFITRI PADA PENDAYUNG SANTUARI KELIP-KELIP KG. KUANTAN 2021 7 Mei 2021

Majlis Daerah Kuala Selangor telah mengadakan majlis penyampaian sumbangan Ramadan dan Aidilfitri kepada pendayung Santuari Kelip-Kelip Kampung Kuantan, Kuala Selangor di Dewan Sri Siantan, Ibupejabat MDKS.

Penganjuran majlis penyampaian sumbangan Ramadan dan Aidilfitri ini adalah majlis yang diadakan setiap tahun bagi menghargai sumbangan kumpulan pendayung yang menjadi nadi utama dalam operasi perkhidmatan sampan Santuari Kelip-kelip Kampung Kuantan.

Sebanyak 36 pendayung telah menerima sumbangan barangan keperluan dan duit raya yang ditaja oleh LBS Foundation. Sumbangan telah disampaikan oleh Yang Dipertua MDKS, Puan Rahilah binti Rahmat.

MDKS berharap sumbangan khas kepada pendayung ini dapat membantu mereka sebagai persediaan menyambut Aidilfitri.



Sumber : Unit Pelancongan

PERHIMPUNAN PAGI BIL. 1/2021 MAJLIS DAERAH KUALA SELANGOR 7 Mei 2021



Sumber : Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta

OPERASI PEMATUHAN PROSEDUR OPERASI STANDARD (SOP) PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP 3.0) 4 Jun 2021

Sebanyak 7 Premis di Puncak Alam dan Saujana Utama telah diarahkan tutup serta merta kerana tidak termasuk di dalam perkhidmatan yang dibenarkan beroperasi.

Premis yang diarahkan tutup adalah melibatkan perniagaan kelengkapan rumah (houseware), kedai kosmetik dan kedai vape.

Pemantauan turut meliputi kawasan pasaraya, 3 amaran lisan diberikan kepada 3 pasaraya untuk meningkatkan kawalan dan mengurangkan jumlah pelanggan dalam satu-satu masa.

Didalam operasi tersebut, 1 kompaun di bawah Ordinan Darurat (Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit) (Pindaan) 2021 kepada seorang warga asing yang tidak mendaftarkan diri menerusi aplikasi MySejatera.

MDKS menggesa agar orang ramai dan pemilik perniagaan untuk sentiasa peka dengan arahan semasa Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan bersama kita memutuskan rangkaian Covid-19.



Sumber : Jabatan Penguatkuasaan

“Usaha untuk rakyat”

MENYANTUNI KOMUNITI STRATA

“NO ONE WILL BE LEFT BEHIND”

14 Jun 2021

Majlis Daerah Kuala Selangor telah menyampaikan bakul makanan untuk membantu keluarga di kawasan Strata yang terkesan akibat PKP 3.0.

Sebanyak 200 keluarga telah menerima sumbangan bakul makanan yang terdiri daripada 14 lokality perumahan strata di sekitar Kuala Selangor, Puncak Alam dan Saujana Utama.

MDKS mengharapkan sumbangan ini sedikit sebanyak dapat membantu mereka semasa menghadapi waktu sukar ini. Penyampaian sumbangan telah diserahkan oleh Yang Dipertua MDKS, Puan Rahilah binti Rahmat.



Sumber : Unit Pesuruhjaya Bangunan (COB)

MENYANTUNI KOMUNITI STRATA

“NO ONE WILL BE LEFT BEHIND” 2.0

7 Julai 2021

Majlis Daerah Kuala Selangor telah menyampaikan bakul makanan untuk membantu keluarga di kawasan Strata yang terkesan akibat PKPD/PPK 3.0.

Sebanyak 300 keluarga telah menerima sumbangan bakul makanan yang terdiri daripada 14 lokaliti perumahan strata di sekitar Kuala Selangor, Puncak Alam dan Saujana Utama.

MDKS berharap agar program sebegini dapat diteruskan pada masa akan datang dengan sasaran penerima yang lebih ramai.

Penyampaian sumbangan telah diserahkan oleh Yang Dipertua MDKS, Puan Rahilah binti Rahmat dan Setiausaha MDKS, Tpr Tuan Haji Muhd Yusli bin Askandar.



Sumber : Unit Pesuruhjaya Bangunan (COB)

“Usaha untuk rakyat”

OPERASI PATUH PROSEDUR OPERASI STANDARD (SOP) BERSAMA KPDNHEP SELURUH KAWASAN KUALA SELANGOR

8 Julai 2021

Jabatan Penguatkuasaan, Majlis Daerah Kuala Selangor (MDKS) telah menjalankan operasi bersepadu bersama Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) di sekitar daerah Kuala Selangor.

Operasi ini bertujuan untuk memantau Prosedur Operasi Standard (SOP) Pelan Pemulihan Negara (PPN) Fasa 1 yang berkuatkuasa di daerah Kuala Selangor pembukaan sektor perniagaan tidak menjadi penyumbang kepada penularan semula wabak Covid-19.

Sehubungan itu, MDKS dan KPDNHEP menggesa semua pihak berkerjasama untuk merancakkan dan memulihkan semula ekonomi domestik dengan tidak mengabaikan pematuhan SOP PPN.



Sumber : Jabatan Penguatkuasaan

SUMBANGAN BAKUL MAKANAN KEPADA KAKITANGAN MAJLIS DAERAH KUALA SELANGOR

13 Julai 2021



Sumber : Jabatan Pembangunan Masyarakat

PROGRAM IBADAH KORBAN 1442H/2021M MAJLIS DAERAH KUALA SELANGOR

21 Julai 2021

Sempena menyambut perayaan Aidiladha, Kelab Sukan, Kebajikan dan Rekreasi MDKS telah mengadakan program Ibadah Korban MDKS 1442/2021. Sebanyak 4 lembu telah dikorbankan pada kali ini dan majlis ringkas agihan daging telah diadakan di Kompleks Sukan Majlis Daerah Kuala Selangor.



Sumber : Kelab Sukan, Kebajikan dan Rekreasi, MPKS

“Usaha untuk rakyat”

AUDIT DALAMAN EKOSISTEM KONDUSIF SEKTOR AWAM (EKSA) BIL.1/2021

29 Julai 2021



Sumber : Unit Audit Dalam

PROGRAM MASIH ADA YANG SAYANG #KAMIPRIHATIN

31 Julai 2021

Menerusi Jabatan Pembangunan Masyarakat, Majlis Daerah Kuala Selangor meneruskan kempen sumbangan bakul makanan kepada golongan sasar yang terjejas akibat Perintah Kawalan Pergerakan 3.0. Kempen pada kali ini diperluaskan kepada kawasan taman perumahan di bawah pentadbiran MDKS. Sebanyak 750 bakul makanan telah disumbangkan kepada penerima yang terjejas melibatkan 150 buah taman perumahan. Majlis Daerah Kuala Selangor mendoakan agar mereka terus cekal untuk mengharungi waktu sukar ini.



Sumber : Jabatan Pembangunan Masyarakat

PERHIMPUNAN PAGI BIL.2/2021

MAJLIS DAERAH KUALA SELANGOR

6 Ogos 2021

Perhimpunan pagi yang dihoskan oleh Unit Pusat Setempat, Unit Perundangan dan Unit Perolehan dan Ukur Bahan pada kali ini merupakan perhimpunan yang terakhir selaku Pihak Berkuasa Tempatan berstatus Majlis Daerah. Perhimpunan yang dijalankan secara maya ini turut menghimpunkan gambar-gambar nostalgia 43 tahun Majlis Daerah Kuala Selangor. Yang Dipertua MDKS, Puan Rahilah binti Rahmat turut menyampaikan amanat beliau agar setiap kakitangan dapat mengikuti visi beliau agar gerak kerja seiring dengan status perbandaran.



Sumber : 1. Unit Pusat Setempat,
2. Unit Perundangan
3. Unit Perolehan Dan Ukur Bahan

“Usaha untuk rakyat”

MAJLIS KHATAM AL-QURAN

KUMPULAN PENGURUSAN MAJLIS DAERAH KUALA SELANGOR

6 Ogos 2021

Sebagai tanda kesyukuran penaiktarafan status Majlis Daerah Kuala Selangor kepada Majlis Perbandaran Kuala Selangor, satu Majlis Khatam Al-Quran telah diadakan melibatkan kumpulan pengurusan Majlis Daerah Kuala Selangor. Majlis tersebut diakhiri dengan Ceramah Transformasi Seorang Muslim Penceramah yang disampaikan oleh Dr. Mohd Dasuqhi bin Mohd Sirajuddin.



Sumber : Jabatan Khidmat Pengurusan

OPS PATUH SOP PPN FASA 1

6 Ogos 2021

Majlis Daerah Kuala Selangor (MDKS) telah menjalankan operasi patuh SOP PPN Fasa 1 di sebuah gudang, Persiaran Puncak Alam 6, Bandar Puncak Alam pada 6 Ogos 2021.

Operasi ini bertujuan memastikan premis-premis perniagaan di sekitar Daerah Kuala Selangor mematuhi SOP PPN FASA 1 yang telah ditetapkan oleh MKN dan mengambil tindakan terhadap individu atau pemilik premis yang ingkar terhadap SOP yang telah ditetapkan.

Jabatan Penguatkuasaan, MDKS telah mengeluarkan 1 kompaun dibawah kesalahan menjalankan perniagaan tanpa lesen dan mengeluarkan 1 notis arahan memberhentikan perniagaan dalam tempoh 2 minggu serta arahan tutup diberikan kepada gudang tersebut.

Selain itu, pihak Ibupejabat Polis Daerah Sungai Buloh telah mengeluarkan 1 kompaun dibawah Akta Kawalan Penyakit Berjangkit kerana berlakunya pelanggaran syarat iaitu menjual barangan bukan dari senarai yang dibenarkan oleh MKN.

Operasi ini dijalankan ini melibatkan 18 anggota terdiri daripada Jabatan Penguatkuasaan MDKS, Ibupejabat Polis Daerah Sungai Buloh dan Pejabat Kesihatan Daerah Kuala Selangor.



Sumber : Jabatan Penguatkuasaan

“Usaha untuk rakyat”

MAJLIS MENANDATANGANI PERJANJIAN PELUPUSAN SISA BUANGAN SECARA MAYA DI ANTARA WORLDWIDE HOLDINGS DENGAN 6 PIHAK BERKUASA TEMPATAN NEGERI SELANGOR 19 Ogos 2021

Majlis Menandatangani Perjanjian Pelupusan Sisa Buangan di antara Worldwide Holdings Berhad bersama 5 Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di Negeri Selangor.

Worldwide Holdings Berhad dan Majlis Perbandaran Kuala Selangor telah menandatangani Perjanjian Pelupusan Sisa Buangan pada 19 Ogos 2021.

Perjanjian ini dimeterai bagi merealisasikan inisiatif Kerajaan Negeri Selangor berkenaan pengurusan sisa buangan melalui kaedah Waste-to-Energy di Pusat Pengurusan Sisa Pepejal Bersepadu (ISWMC) bertempat di Jeram, Selangor.

Majlis perjanjian ini dilakukan secara maya dan ditandatangani oleh Yang Berusaha Puan Rahilah binti Rahmat, Yang Dipertua MPKS dan disaksikan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Amirudin Shari, Dato' Menteri Besar Selangor.



Sumber : Unit Korporat dan Perhubungan Awam

MAJLIS PENYERAHAN 7 UNIT KENDERAAN MILIK MAJLIS PERBANDARAN KUALA SELANGOR KEPADA PUSAT PEMBANGUNAN KEMAHIRAN TEKNIKAL NEGERI SELANGOR (STDC)

19 Ogos 2021

Majlis Perbandaran Kuala Selangor (MPKS) telah menyumbang tujuh unit kenderaan kepada Pusat Pembangunan Kemahiran Teknikal Negeri Selangor (STDC) pada 19 Ogos 2021 di Ibu pejabat MPKS.

Kenderaan ini disumbangkan kepada STDC bertujuan untuk digunakan oleh pensyarah dan pelajar dalam mempelajari bidang automotif khususnya teori dan praktikal secara langsung. Antara kenderaan yang disumbangkan adalah lima unit motorsikal, satu unit kenderaan serba guna (MPV) dan satu unit van.



Sumber : Jabatan Kejuruteraan

“Usaha untuk rakyat”


MINDA SIHAT DALAM SUASANA BAHARU

27 Ogos 2021

Bertepatan dengan norma baharu program secara dalam talian, Jabatan Pembangunan Masyarakat MPKS telah mengadakan program ceramah khas secara maya iaitu "Minda Sihat Dalam Suasana Baharu" di laman Facebook rasmi Majlis Perbandaran Kuala Selangor pada 27 Ogos 2021.

Sesi perkongsian ini dikendalikan oleh Puan Ratna Sapura binti Kamal Shari, Pegawai Psikologi LPPKN Negeri Selangor. Beliau mempunyai pengalaman selama lebih 11 tahun sebagai kaunselor rumahtangga, keluarga, dan remaja.

Majlis ini telah mendapat sambutan yang memberangsangkan daripada warga daerah Kuala Selangor dan majlis ini telah disempurnakan oleh Yang Dipertua MPKS, Puan Rahilah binti Rahmat.





PROGRAM SANITASI AWAM

MAJLIS PERBANDARAN KUALA SELANGOR

Program ini bertujuan untuk membantu pihak Kementerian Kesihatan Malaysia bagi mengawal dan memutuskan rantaian penyakit berjangkit terutamanya kes COVID-19. Kerja-kerja sanitasi nyah-kuman telah dijalankan di beberapa premis dibawah Pentadbiran Majlis Perbandaran Kuala Selangor seperti Pasar Awam, Pusat Komersial, Agensi Awam, Taman Permainan, Sekolah, Masjid, dan Bangunan Strata. Selaian itu pihak Majlis Perbandaran Kuala Selangor turut memberi tunjuk ajar dan demonstrasi sanitasi kepada pemilik premis tentang cara menangani penularan wabak covid-19.

Bil	Tindakan Majlis Daerah Kuala Selangor	Pelaksanaan
3.1.1	Pasar Awam	Sanitasi akan dijalankan sekitar pasar awam selepas pada waktu operasi
3.1.2	Pusat Komersial	Akan dijalankan semburan sanitasi jika Pihak Pejabat Kesihatan memberi notifikasi pergerakan kes covid-19
3.1.3	Agensi Awam	Dijalankan di premis-premis agensi awam cara demostrasi sanitasi jika Pihak Pejabat Kesihatan memberi notifikasi pergerakan kes covid-19
3.1.4	Taman Permainan	Sanitasi akan dijalankan sekitar taman permainan mengikut kesesuaian
3.1.5	Sekolah/ Masjid	Akan dijalankan cara demostrasi serta teknik sanitasi bersama wakil pihak sekolah dan masjid bagi mengurangkan penularan kes covid-19
3.1.6	Bangunan Strata	Cara demonstrasi sanitasi akan ditunjuk ajar kepada wakil JMB serta menjalankan kerja-kerja sanitasi diluar bangunan strata
3.1.7	Lain-lain	Akan dijalankan kerja-kerja sanitasi covid-19 dengan pelan tindakan :- a) Memberi tunjuk cara serta demonstrasi kepada pemilik premis b) Pengedaran risalah (<i>flyers</i>) sanitasi covid-19 kepada pemilik premis c) Menjalankan semburan nyah-kuman di luar premis



KAWASAN BANDAR PUNCAK ALAM



KAWASAN BANDAR TANJONG KARANG DAN PASIR PENAMBANG



KAWASAN BANDAR UOK DAN DESA COALFIELDS



KAWASAN BANDAR SAUJANA UTAMA





KAWASAN BANDAR BESTARI JAYA DAN KG. KUANTAN



KAWASAN BANDAR SUNGAI BULOH DAN JERAM



KAWASAN PEJABAT MAJLIS PERBANDARAN KUALA SELANGOR



KAWASAN PEJABAT DAERAH KUALA SELANGOR





TIADA LAGI PENGEPOSAN BIL CUKAI TAKSIRAN MULAI PENGGAL 2/2021

SEMUA PEMILIK HARTA DIWAJIBKAN MENDAFTAR
DI **IP3KS** UNTUK MENDAPATKAN
BIL CUKAI TAKSIRAN

IMBAS
UNTUK MENDAFTAR



Bayaran juga boleh dibuat melalui :



CEPAT
CITIZEN ELECTRONIC
PAYMENT APPLICATION



PBTpay



Maybank

maybank2u.com



CIMB BANK

CIMB Clicks



www.mpks.gov.my